

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Sukarelawan global

PROGRAM YSS DIHARAP DAPAT MELAHIRKAN GOLONGAN YANG PROGRESIF, DINAMIK, MENJADI IKON KEPADA PELAJAR LAIN DAN MASYARAKAT"

**P**elancaran program 1M4U dengan dana RM100 juta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, baru-baru ini jelas menunjukkan kerajaan sangat mementingkan dan menyokong penglibatan golongan belia termasuk pelajar universiti dalam aktiviti serta projek sukarelawan.

Melalui program itu beliau mahu melihat lebih banyak generasi muda berani melibatkan diri pada peringkat global seterusnya, menjulang nama Malaysia di persada antarabangsa.

Bagi merencanakan pemupukan budaya kesukarelawanan dan melahirkan generasi muda yang berdaya saing serta holistik di peringkat global dalam kalangan pelajar universiti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menubuhkan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) pada 24 Ogos 2011.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YSS, Syed Agil Syed Alsagoff penubuhannya bermatlamat menanam semangat kesukarelawanan dan kesedaran sivik dalam

kalangan pelajar universiti.

YSS memerlukan perancangan yang teliti dengan melibatkan agensi kerajaan, swasta dan negara luar supaya program dapat dijalankan secara berterusan dengan membawa nilai murni masyarakat Malaysia untuk dikongsi bersama masyarakat dunia, di samping menitikberatkan modal insan dan sosial pelajar.

Selain itu, YSS akan merealisasikan hasrat mengantarabangsakan pelajar ke luar negara melalui pelaksanaan pelbagai program kemanusiaan sejagat. Pembabitan pelajar dalam program YSS diharap dapat melahirkan golongan yang progresif, dinamik, menjadi ikon kepada pelajar lain dan masyarakat, berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam mengurus isu serta berani mengambil risiko.

Terdapat beberapa pendekatan dalam usaha YSS memperkasakan penyertaan pelajar universiti. Antaranya ialah mewujudkan program sukarelawan berteraskan kepada kluster berikut:

## 1. Kluster Pendidikan

Kluster ini memberi penekanan terhadap perancangan dan pelaksanaan aktiviti sukarelawan siswa yang bersifat mendidik, motivasi dan menjalankan projek berkaitan bimbingan akademik, kerjaya dan kempen pendidikan kepada komuniti.

## 2. Kluster Pembangunan Komuniti

Penekanan terhadap perancangan dan pelaksanaan aktiviti berkaitan pembangunan insan dalam kalangan komuniti seperti aktiviti kemahiran diri dan peningkatan produktiviti komuniti.

## 3. Kluster Kesihatan dan Perubatan

Membabitkan pemeliharaan kesihatan komuniti, mengendalikan kempen kecelikan dan penjagaan kesihatan serta penerangan mengenai penyakit berjangkit. Penekanan diberikan kepada program 'outreach', perubahan sosial, pemikiran dan perlakuan komuniti terhadap kecelikan isu kesihatan.

## 4. Kluster Agribio dan Alam Sekitar

Memfokus kepada pembabitan pelajar dalam pembangunan bidang agribio di kawasan yang dikenal pasti untuk diberikan bantuan dengan kerjasama jabatan berkaitan. Kluster Alam Sekitar pula memfokus berkaitan kempen kecelikan pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan komuniti selain penambahbaikan terhadap isu alam sekitar tempatan.

## 5. Kluster Teknologi Maklumat, Keusahawanan Sosial dan Inovasi

Memberi penekanan kepada kesedaran komuniti dan organisasi terhadap kecelikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), membantu membangunkan infrastruktur ICT dengan kerjasama sektor kerajaan dan korporat, di samping mengendalikan kegiatan latihan komputer dan Internet kepada golongan ini.

Sementara keusahawanan sosial memberi tumpuan kepada kegiatan keusahawanan setempat, mengenal pasti skop, penambahbaikan dan menjalankan kerja keusahawanan.

## 6. Kluster Pengurusan Krisis Sosial dan Komuniti

Kluster ini memfokuskan

kepada isu keselamatan bencana, program pasca bencana, pencegahan jenayah serta penambahbaikan isu keselamatan komuniti.

Mengenai hala tuju, Syed Agil berkata, YSS akan memberi tumpuan kepada beberapa kategori program yang dibuat dengan kerjasama pihak universiti, kementerian, agensi kerajaan, syarikat korporat dan badan bukan kerajaan.

Program seperti latihan kemahiran, gerak kerja dan pembangunan kesukarelawanan akan dilaksanakan bagi memenuhi matlamat YSS untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa yang berwibawa di pentas global kelak.

Jelas menunjukkan bahawa program sukarelawan kini membawa ke arah melahirkan generasi muda khususnya pelajar universiti yang berani serta berjiwa besar dalam menghadapi realiti dunia masa kini dan akan datang.

Bagi menggalakkan pembabitan pelajar universiti dalam aktiviti sukarelawan, dicadangkan supaya aktiviti ini diiktiraf oleh universiti dengan diberi jam kredit sama seperti kurikulum sedia ada. Langkah ini tentunya akan menambah minat serta meningkatkan pembabitan dalam aktiviti ini.